



JENAYAH DALAM ISLAM SATU KAJIAN
PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
NEGERI JOHOR

OLEH

HAJI ABDULLAH BIN BESIDA
G 9410230

KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT BAGI MEMPEROLEHI DIPLOMA
UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

KULIAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA
•
SESI 1994/1995

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
BY

MSD 61A

Date Received : 6/11/95 Inf.

KANDUNGAN

<i>Isi Kandungan</i>	<i>Muka surat</i>
- Isi Kandungan	i - iv
- Penghargaan	v - vi
- Abstrak	vii - viii
Bab 1	
- Definisi Jenayah Dalam Islam	1
- Pendapat Ulama terhadap Definisi Jenayah	2
- Perbezaan Takrif diantara Jenayah dengan Jarimah	3
- Definisi Hudud/Pembahagian Jenayah, hudud	4
- Peranan Hukuman dan balasan	5
- Bentuk-bentuk perbuatan Jahat dan Jenayah	6
- Kategori Tanggungjawab Jenayah	7
- Anggapan Masyarakat terhadap Syariat Hudud	10
- Pandangan Islam terhadap keselamatan sejagat	11
- Pencegahan hindarkan kesalahan	14
- Nota akhir	16
Bab 2	
- Pengertian zina mengikut pandangan para fuqaha'	17
- Bukti yang mensabitkan kesalahan zina	19
- Syarat-syarat membabitkan penyaksian zina	20
- Pembuktian zina melalui pengakuan	23
- Syarat-syarat bagi orang yang memberi pengakuan (Ikrar)	25
- Pembuktian mensabitkan kesalahan zina/hukuman had bagi kesalahan zina	27

<i>Isi Kandungan</i>	<i>Muka surat</i>
- Cara perlaksanaan hukuman had zina	30
- Cara perlaksanaan hukuman Jilid (sebat) dijalankan	31
- Langkah utama menjauhkan diri daripada terjebak dalam perzinaan	32
- Kewajipan menjaga pandangan dan sebab-sebab larangan tersebut	35
- Hikmat memakai pakaian menutup aurat	36
- Kesan zina kepada individu dan masyarakat	37
- Punca-punca berlakunya perzinaan	38
- Kesan zina kepada individu dan masyarakat	39
- Nota akhir	41
 .	
 .	
 .	
Bab 3	
- Difinisi/Bahagian dan rukun-rukun Qadhzaf	42
- Bukti-bukti yang mensabitkan kesalahan Qadhzaf	45
- Hukuman ke atas kesalahan menuduh zina	46
- Perkara-perkara yang menggugurkan pembalasan Qadhzaf	48
- Nota akhir	49

Bab 4

	<i>Isi Kandungan</i>	<i>Muka surat</i>
-	Pengharaman arak berperingkat-peringkat	50-51
-	Difinisi arak pada pandangan fuqaha'	52
-	Syarat penting mensabitkan kesalahan meminum Arak	53
-	Hikmah Pengharaman arak	54-55
-	Rukun-rukun kesalahan minum arak	56-57
-	Bukti-bukti yang mensabitkan kesalahan minum arak	58-59
-	Kemudaratan yang berpunca daripada minum Arak	60
-	Kajian akibat ketagihan meminum arak	61
-	Nota akhir	64

Bab 5

-	Difinisi Murtad	
	Rukun	65-66
-	Murtad dengan perbuatan/perkataan/lktikd	66-67
-	Pendapat Para Ulama' Murtad dengan niat	68
-	Faktor-faktor yang membawa Murtad	67
-	langkah-langkah membendung Murtad bagi Umat Islam	70-72
-	Kedudukan Harta Benda/Hak milik dan perkahwinan orang yang Murtad	73-74
-	Jangka masa ditaubatkan seorang murtad	75-76
-	Nota akhir	77


Bab 6

<i>Isi Kandungan</i>	<i>Muka surat</i>
- Bidang kuasa membicarakan kesalahan mengikut Enakmen	78
- Hukuman yang dianggap ta'azir	79
- Taraf Enakmen pentadbiran Agama Islam di Malaysia	
- Kedudukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Bil14 Tahun 1978	81
- Nota akhir	84
- Penutup	85-86
- kajian kes-kes Jenayah dalam Islam di Negeri Johor	
- Bagi Tahun 1992,1993 dan 1994	87
	Lampiran (A)
- Seksyen Kesalahan Jenayah Dalam Islam Enakmen Pentadbiran Agama ISlam Negeri Johor Bil. 14 Tahun 1978	
	Lampiran (B)

Ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Pusat Islam Jabatan Perdana menteri dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor, yang telah memberikan peluang kepada saya untuk menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kehakiman di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Akhirnya dipohonkan kehadhrat ilahi semoga usaha-usaha yang murni ini akan mendapat perkenan dan restu dari Allah S.W.T dan akan menjadi tenaga penggerak utama bagi melaksanakan salah satu tuntutan Allah yang bermaksud "Apabila kamu menghukum diantara manusia hendaklah kamu menghukum dengan penuh keadilan dan saksama."

Wassalam.



Hj. Abdullah bin Besida
43 Jalan Nakhoda 24,
Taman Ungku Tun Aminah,
81300 Skudai, Johor bahru.
29 Zulhijjah 1415H
29 Mei 1995.

ABSTRAK

Jenayah dalam Islam merupakan satu pendedahan awalan dalam memperkatakan kedudukan Jenayah. Bahagian Jenayah dan cara tindakan berasaskan kaedah syariah.

Kes jenayah yang diperuntukan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Bilangan 14 Tahun 1978 adalah bertujuan untuk mengurangkan atau cuba mengatasi masalah kes jenayah dalam Islam di Negeri Johor.

Bab pertama membicarakan definisi jenayah, pendapat para ulama', pencegahan menghindarkan kesalahan jenayah dalam Islam.

Bab kedua pengertian zina, pensabitan, pembuktian, pertuduhan, penghakiman dan perlaksanaan hukuman.

Bab ketiga, pensabitan perzinaan adalah asas keyakinan benar-benar berlaku dan persaksian Empat orang lelaki yang adil {bukan dari kalangan orang Fasik}, pertuduhan yang berasaskan keraguan maka penyampai maklumat pertuduhan zina dikenakan hukuman Qadhzaf.

Bab keempat, minuman yang memabukkan adalah diantara larangan keras dalam Islam malahan diperjelaskan Allah s.a.w bahawa punca kepada segala kejahatan, keruntuhan keperibadian manusia adalah berpunca daripada minuman yang memabukkan.

Bab kelima, Murtad pendedahan penulis dalam memperkatakan bahagia ini adalah diasaskan kepada beberapa unsur yang tidak sihat sedang melanda masyarakat Islam diakhir-akhir ini yang terpengaruh dengan budaya hidup yang bertentangan dengan Islam, pendedahan hiburan yang keterlaluan dan seolah-olah dunia adalah untuk hiburan hingga ramai dikalangan masyarakat Melayu telah melupakan nilai-nilai mulia ajaran Islam dan meletakkan Agama Islam hanya sebagai fahaman kepercayaan dan bukan satu pegangan hidup yang kukuh untuk menjamin kesejahteraan hidup di dunia ni dan ukhrawi.

Bab keenam, Bidang kuasa Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Bil. 14 Tahun 1978 dalam membicarakan jenayah Islam dan laporan kes Jenayah Syariah di Negeri Johor dari tahun 1992 hingga tahun 1994.

Akhirnya diharapkan dengan penjelasan ini masyarakat Islam di negara yang kita kasihi ini supaya dapat menhayati dan merasakan bahawa hukuman jenayah dalam Islam adalah untuk memelihara keamanan manusia sejagat dan agar kehidupan masyarakat lebih aman makmur dan mendapat keredaan Allah s.a.w.

BAB 1

DEFINISI JENAYAH DALAM ISLAM

- (1) Mengikut pandangan ulama' Fiqah 'Jenayah' ialah perkataan jahat yang dilakukan mencerobohi kehormatan jiwa dan anggota tubuh badan. Pandangan ini meletakkan kesalahan jenayah hanya berkaitan dengan perlakuan mencerobohi nyawa dan anggota tubuh badan yang dikenakan hukuman Qisas dan diat. Dengan ini bererti kesalahan-kesalahan yang melibatkan harta benda, akal fikiran dan sebagainya tidak termasuk dalam definisi Jenayah. Walaupun demikian dengan kepesatan ilmu dan meluasnya kajian dan kepakaran ilmu, maka definisi Jenayah dalam konteks Islam ialah semua kesalahan hudud, Qisas dan ta'azir.

- (2) Dari segi lughawi [bahasa] jenayah bermakna satu kejahatan yang dilakukan oleh seseorang, dari segi syarak' ialah nama bagi perbuatan yang diharamkan sama ada yang melibatkan harta benda ataupun jiwa dan tubuh badan. Dengan definisi ini bererti apa juu jenis kesalahan sama ada yang mencerobohi kehormatan jiwa, tubuh badan, harta benda dan lain-lain sama ada yang melanggar larangan-larangan syarak' seperti mencuri, berzina, minum arak dan sebagainya ataupun yang meninggalkan perintah-perintah Allah seperti Solat, zakat, puasa Ramadhan dan sebagainya termasuk dalam golongan [jenayah]. tegasnya apa juu bentuk dosa atau Maksiat daripada sebesar-besarnya hinggalah kepada sekecil-kecilnya sama

ada dikenakan hukuman Qisas, Hudud atau Ta'azir adalah dikatakan kesalahan Jenayah.

(3) Pendapat Ulama, terhadap Definisi Jenayah mengikut kacamata Islam.

- a. Mazhab Imam Al-Syafie dalam kitabnya Alahkam Al-Sultaniah menjelaskan ialah pelbagai larangan syara' yang diugut diancam dengan pembalasan had atau pun Ta'azir.
- b. Ibnu Parhun seorang Ulama', Mazhab Maliki menamakan apa sahaja tindakan yang mewajibkan pembalasan Had dan Qisas sebagai Jenayah, lantaran itu beliau merumuskan bahawa pengertian Jenayah itu meliputi Jenayah terhadap nyawa, akal fikiran, hartabenda, dalam Kitab Al-Taj Al-Ihlil, ala Mukhtasar Al-Khalil [النَّاجِ الْأَحْلَلُ الْعَلَى عَلَى مُخْتَصِرِ الْخَلِيلِ] disebut tentang pelbagai Jenayah yang mewajibkan pembalasan kesemuanya ada TUJUH ;
 - i. Jenayah Penderhakaan
 - ii. Jenayah Murtad
 - iii. Jenayah Zina
 - iv. Jenayah Qadhf (قذف)
 - v. Jenayah Çuri
 - vi. Jenayah Rompak
 - vii. Jenayah Minum Arak

- (4) **Pebezaan Takrif diantara Jenayah dengan Jarimah**
Sebahagian besar Fuqaha' membezakan diantara pengertian Jarimah, mereka mengkhususkan perkataan Jarimah bagi pelbagai kesalahan yang mewajibkan pembalasan Qisas, pendapat ini menjelaskan bahawa Agama Islam adalah satu syariat yang diperintahkan oleh Allah bagi menjaga dan menjamin keselamatan umat, baik yang berupa nyawa, hartabenda, keamanan manusia sejagat.

Maka dengan itu syariat Islam memberikan penekanan yang begitu penting dalam menjaga keamanan dan langkah-langkah membendong, mengawasi dan menjamin keselamatan benar-benar terpelihara, maka setiap kesalahan yang dilakukan oleh manusia mestilah diberikan pembalasan yang setimpal apa yang mereka telah lakukan. Dalam pengertian Fikh [perundangan Islam disebut 'HUDUD'].

(5) **Definisi Hudud**

Perkataan 'Hudud' ialah kata jama' dari perkataan HAD, pengertian dari bahasa [Had] bererti tegahan, dengan itu tukang jaga dinamakan 'Haddad' kerana ia menengah orang dari memasuki pintu jagaannya. Sementara Hudud dalam kacamata Islam ialah pelbagai pembalasan yang ditegah oleh Allah dan sesiapa yang melanggar larangan itu maka terlibat dengan perkara-perkara yang menjadi sebab kepada wujudnya 'Hudud', apabila disebut Hudud Allah maka itu adalah perkara-perkara yang ditegah sebagaimana terdapat dalam ayat-ayat Al-Quran seperti maksud,

- a. Surah Al-baqarah (2 : 187) itulah batas-batas larangan²
Allah, maka janganlah kamu menghampirinya.
- b. Surah Al-baqarah (229 : 2), itulah hukuman-hukuman³
Allah maka janganlah kamu melanggarnya.

(6) **Pembahagian Jenayah Hudud**

- a. Jenayah Hudud adalah satu istilah yang menunjukkan satu kelompok jenayah yang khusus terdapat pelbagai pendapat tentang jenis-jenis jenayah yang termasuk dalam kategori (Jenayah Hudud)
- b. Pendapat Ulama' Mazhab Hanafi, Jenayah Hudud mengandungi lima jenis Jenayah.
 - a. Jenayah mencuri, termasuk JENAYAH MEROMPAK
 - b. Jenayah Zina
 - c. Jenayah Qazaf (قذف) [tuduh zina]
 - d. Jenayah minum arak (الخمر) dan minum minuman yang memabukkan.
 - e. Jenayah Qisas
 - f. Jenayah Murtad

(7) **Peranan Hukuman dan balasan**

- a) Pada dasarnya hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah dalam undang-undang Islam mempunyai tujuan yang sama dalam undang-undang positif iaitu bertujuan untuk melindungi masyarakat daripada perlakuan jahat dan juga untuk memberi pengajaran kepada pesalah supaya tidak mengulangi perbuatan jahatnya.

- b) Peranan utama dalam syariat Islam adalah sebagai pembalasan ke atas perbuatan jahat seperti yang djelaskan dalam Al-Quran dalam surah (Al-Maedah - ayat :38), **وَالسارقُ وَالسارقةُ فَاقْتلُوَا إِذْ يَعْمَلُونَ بِمَا كَسَبُوا**. Maksudnya, dan pencuri laki-laki dan perempuan maka potonglah tangan mereka sebagai pembalasan ke atas perbuatan mereka.
- c) Menjadi pencegah (preventive) sama ada untuk mencegah penjenayah daripada mengulangi perbuatan jahatnya setelah menerima hukuman yang berat atau menahan orang yang bercadang melakukan kejahatan daripada meneruskan cadangannya setelah mengetahui adanya hukuman yang berat atau menghalang orang lain daripada melakukan kejahatan setelah mengetahui adanya hukuman yang berat atau menghalang orang lain daripada melakukan kejahatan setelah mengetahui adanya balasan-balasan yang diterima oleh pesalah.
- d) Hukuman-hukuman dalam islam boleh dianggap sebagai pemulihan (Reformative) atau pembetulan kepada penjenayah, ini bererti walaupun Islam mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah-pesalah tetapi disamping itu Islam mengenepikan kepentingan pesalah, dalam erti kata Islam akan mengenakan hukuman hanya setelah mengkaji dan meneliti tiap-tiap pesalah dari segi status dan tanggungjawab masing-masing, sebagai contoh dalam kesalahan zina maka hukumannya diasingkan diantara pesalah yang telah berkahwin

dengan yang belum berkahwin, begitu juga hukuman bagi kesalahan yang dilakukan oleh pesalah dewasa dengan pesalah yang belum cukup umur.

8) Bentuk-bentuk Perbuatan jahat dan Jenayah

Perbuatan jahat dalam jenayah ada 3 bentuk

- i) Bentuk melakukan (مباشرة)
- ii) Bentuk Menyebabkan (سبب)
- iii) Bentuk Menjadi Syarat (شرط)

(a) Bentuk Melakukan (مباشرة)

Maksud melakukan ialah segala perbuatan secara langsung mewujudkan jenayah tanpa apa-apa perantaraan dan menjadi sebab secara langsung kepada jenayah tersebut, contohnya perbuatan menikam dengan pisau ia menyebabkan kematian secara langsung kepada kematian dan sebagai contoh lagi ialah perbuatan mencekik ia boleh menyebabkan kematian secara langsung dan menjadi sebab secara langsung kepada kematian.

(b) Bentuk Menyebabkan (سبب)

Maksud menyebabkan ialah segala perbuatan yang dapat melahirkan jenayah tidak secara langsung tetapi dengan perantaraan perbuatan lain yang menjadi sebab secara langsung kepada jenayah itu contohnya kesaksian dusta ke atas yang tertuduh dalam kes membunuh, ia menjadi sebab secara langsung bagi hukuman mati ke atas tertuduh, begitu juga apabila seorang yang terjatuh dalam lubang yang digali sehingga menyebabkan seseorang itu termasuk dalam lubang

dan sehingga membawa kepada kematian dan kematian yang sebenarnya ialah kejadian terjatuh itu sendiri, manakala perbuatan menggali dianggap sebagai sebab berlakunya kematian itu.

(c) Bentuk menjadi Syarat (شرط)

Maksud menjadi syarat ialah segala perbuatan yang tidak secara langsung melahirkan jenayah tetapi menjadi syarat kepada berlakunya jenayah berkenaan. Contohnya seorang mencampakan mangsanya ke dalam perigi yang digali oleh orang lain dan menyebabkan si mangsa mati. Apa yang mewujudkan kematian dan menjadi sebab secara langsung kepadanya ialah perbuatan mencampak dan bukannya perbuatan menggali.

(9) kategori Tanggungjawab Jenayah

Dalam perbahasan ini ternyata wujudnya tanggungjawab jenayah dalam penilaian syarat Islam terhenti atas adanya perbuatan salah dan niat jahat, ini bererti bahawa tanggungjawab jenayah itu mempunyai beberapa kategori tertentu, kerana walaupun perbuatan salah yang sama orang mempunyai kesedaran dan niat yang mungkin berbeza-beza dalam hal ini Rasulullah bersabda yang bermaksud,

"Segala perbuatan [perlu dinilai] berasaskan niat dan setiap orang akan memperolehi apa yang dia niat"

(Diriwayat oleh Muslim dan Umar)

(10) Jenis-jenis tanggungjawab jenayah dan bahagian-bahagiannya mengikut jenis-jenis perbuatan jahat yang dilakukan dan tingkatannya.

[]

1. *Sengaja*

Sengaja secara umum sifat sengaja bererti melakukan perbuatan jahat dengan niat jahat maka sesiapa yang minum arak dengan niat, ertinya minum dengan sengaja, sesiapa yang mencuri dengan niat, ertinya dia mencuri dengan sengaja, jadi melakukan sesuatu dengan sengaja dianggap paling jahat dan hukumnya juga paling berat dalam syariat Islam. Menurut pendapat jamhur fuqaha' dalam kesalahan membunuh dengan sengaja perlu wujud pengertian secara khusus disamping pengertian secara umum iaitu melakukan perbuatan jahat dengan tujuan membunuh.

2. *Separuh Sengaja* []

Dalam syariat Islam, konsep separuh sengaja ini tidak wujud dalam kesalahan-kesalahan lain kecuali kesalahan membunuh dan mencederakan disamping itu ia juga tidak merupakan suatu konsep yang diterima oleh semua fuqaha'

a. Imam Malik tidak menerima konsep separuh sengaja ini, walaupun dalam kesalahan membunuh dan mencederakan, pandangan pendapat ini tidak tersebut di dalam Al-Quran, yang tercatat dalam Al-Quran konsep sengaja.

Nas Al-Quran dalam surah (An-Nisa' 4:93)

Yang bermaksud; Dan barang siapa membunuh seorang mukmin dengan sengaja maka balasannya neraka jahanam.

- b) Abu Hanifah, Syafie dan Ahmad bin Hanbal bersetuju menerima konsep separuh sengaja dalam kesalahan membunuh, tetapi tidak kesemua mereka bersetuju adanya konsep ini di dalam kesalahan-kesalahan mencederakan.
3. *Tidak Sengaja*
- Maksud tidak sengaja ialah melakukan sesuatu perbuatan bukan dengan niat jahat. para fuqaha' membahagikan perbuatan seperti ini kepada dua jenis, iaitu tersalah buat dan tersalah anggap. Contoh bagi tersalah buat ialah seseorang hendak menembak burung tetapi terkena manusia. Dan contoh bagi tersalah anggap ialah seperti seorang menembak orang yang disangkakan tentera musuh tetapi ternyata tidak demikian.
4. *Sebagai tidak sengaja*

Sesuatu perbuatan boleh dianggap sebagai tidak sengaja dalam dua keadaan : Pertama, sesuatu yang berlaku tanpa niat oleh si pelakunya tetapi disebabkan oleh kecuaianya. Misalnya, seorang yang sedang tidur terjatuh keatas seorang kanak-kanak.

Kedua, sesuatu yang berlaku tanpa oleh si pelakunya tetapi disebabkan oleh perbuatannya. Misalnya, seorang yang menggali lubang di tepi jalan dengan tujuan menyalurkan air ke dalamnya, tiba-tiba terjatuh seorang yang lalu di situ.

Ciri-ciri jahat yang ada pada kesalahan tidak sengaja lebih banyak daripada yang ada pada kesalahan sebagai tidak sengaja, kerana perbuatan tidak sengaja dilakukan dengan niat oleh si pelakunya, manakala perbuatan sebagai tidak sengaja dilakukan tanpa niat, tetapi disebabkan oleh kecuaianya.

*) Anggapan masyarakat terhadap syariat hudud

1. Terdapat sebahagian masyarakat yang meragui tentang keberkesanan pembalasan potong anggota dalam jenayah curi dan rompak sebagai sesuatu yang tidak sesuai dengan tamadun manusia hari ini.
2. Perlaksanaan syariat hudud dianggap zalim, kejam dan tidak berperikemanusiaan.
3. Malaysia yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang keturunan, agama dan adat resam tidak sesuai dengan perlaksanaan hudud dan ianya boleh menimbulkan huru-hara dan kacau bilau.

(12) Pandangan Islam terhadap keselamatan sejagat

1. Syariat Islam yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muahmmad (SAW) adalah merangkumi semua aspek kehidupan, kemasyarakatan, ketenteraman, pentadbiran negara, ekonomi dan lain-lain lagi.

Allah berfirman di dalam Al-Quran [مَا فِرَطْنَا فِي الْكِتَابِ] yang bermaksud tidak ada sesuatu pun yang dipisahkan oleh Allah dan segala-gala adalah tercatat di dalam Al-Quran.

2. Sebagai bukti Allah Subhanahu wataala mengharamkan arak (الخمر) adalah setelah terbukti mebawa banyak kemudaratan daripada kebaikan dan penyakit orang-orang Arab Jahiliah yang memang amat ketagih minum arak dan Allah menurunkan ayat pengharaman itu berperingkat-peringkat hinggaalah ternyata arak benar-benar meruntuhkan dan merosakkan masyarakat dan pembangunan manusia sendiri.

Oleh kerana ianya telah benar-benar menjadi satu fenomena biasa dalam kehidupan dan membahayakan kepada masyarakat maka Allah subhanahu wataala mengharamkan arak itu 'Bagi kali ketiga' dan kata putus serta tegas di dalam Al-Quran.

الْحَمْرَ وَالْمُبَرِّ وَالْأَنْمَابِ وَالْأَزْلَامِ
[رَجُلٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ وَاحْتَنَبَ، لَعْلَكُمْ تَفْلِحُونَ]

yang bermaksud sesungguhnya arak, judi, tenung nasib dan menyembah berhala adalah perbuatan-perbuatan syaitan maka jauhkanlah daripada melakukan perbuatan-

perbuatan yang keji itu semoga kamu memperolehi kejayaan.

Bagi memastikan masyarakat menghindarkan diri daripada meminum arak yang mana ditegaskan oleh rasulullah (SAW) bahawa punca dan ibu segala kejahanan adalah arak maka memerlukan satu undang-undang yang tegas daripada pihak-pihak yang berwajib.

Ancaman peminum arak bukan sahaja membahayakan peminumnya tetapi boleh melibatkan kepada orang awam yang tidak bersalah dan berdosa sebagai buktinya tragedi kemalangan jalan raya di Malaysia adalah di antara yang tertinggi di dunia dan ini adalah kebanyakannya berpunca daripada pemandu-pemandu yang mabuk akibat meminum arak (خمر)

Terdapat ramai isteri-isteri yang kehilangan suami dan menjadi janda. Terdapat juga anak-anak yang menjadi yatim piatu akibat kesilapan dan kecuaian berpunca daripada minuman-minuman keras seperti arak.

Mengikut statistik jenayah di Malaysia yang melibatkan anak-anak remaja di antara umur 13 - 21 tahun adalah seperti berikut;

Menghisap rokok	-	71%
Menonton video lucu	-	40%
Meminum minuman keras	-	25%
Menagih dاداه	-	14%

3. Tuntutan perlaksanaan hudud di dalam Islam hendaklah dijalankan dengan penuh kebijaksanaan, keadilan dan melihat kepada punca setiap kesalahan yang dilakukan

sebelum sesuatu hukuman dijalankan. Sebagai contohnya di dalam jenayah mencuri, setiap masalah terlebih dahulu hendaklah disiasat latar belakang keadaan diri yang mencuri, apakah dia mencuri kerana semata-mata mahukan kesenangan melalui cara yang mudah atau dia mencuri kerana kesusahan hidup yang memaksanya untuk mencuri.

Kedua-dua perkara diatas cara perlaksanaan hukum dalam Islam ada perbezaannya.

Dari sudut Islam seseorang yang mencuri kerana semata-mata hendakkan kesenangan dan dilakukan adalah terdiri daripada orang yang akil baligh maka ianya akan diambil tindakan iaitu potong tangan jika sabit kesalahan dan cukup nisabnya mengikut pandangan kadi (Hakim).

Sebaliknya kalau dia mencuri kerana kesusahan hidup maka dalam hal ini pemerintah (kerajaan) berkewajipan memberikan pertolongan dengan memberikan peruntukan khas dari Baitulmal bagi mengatasi masalah kehidupannya dan dari segi hukum feqah dia terlepas daripada hukuman potong tangan.

Pada suatu masa Hijaz merupakan tempat yang subur bagi pelbagai jenayah curi dan rompak yang dahsyat tetapi apabila kerajaan Arab Saudi melaksanakan Hukum Hudud bagi jenayah curi dan rompak maka negara itu sudah bertukar menjadi aman dan tidak lagi terdedah kepada pelbagai jenayah tersebut melainkan dalam kadar yang amat sedikit.

3) Pencegahan hindarkan kesalahan

1. Dalam kata-kata pujangga Arab ada menyebutkan

[الوقاية خير من العلاج] langkah berjaga-jaga itu lebih baik daripada mengubatinya.

Memandangkan gejala-gejala yang sedang melanda masyarakat Islam masa kini maka setiap individu mempunyai peranan bagi menyelamatkan masyarakat daripada terus dilanda keruntuhan akhlak, hilang keyakinan diri dan terikut-ikut dengan budaya liar jahat yang dibawa oleh anasir-anasir jahat yang hendak melancarkan kekuatan dan keturunan bangsa yang diasaskan oleh nenek moyang kita melalui pengangan kepada agama yang menjadi nadi dan penggerak utama dalam usaha meningkatkan perjuangan bangsa dan menaikkan mertabat Melayu, tetapi kiki kekuatan umat yang diasaskan oleh iman dan ilmu semakin jauh tergelincir dan sebahagian masyarakat hari ini lebih tertarik meniru budaya-budaya hidup cara orang kafir seperti pergaulan bebas menonton video lucu, berjudi, minum arak, pelacuran dan sebagainya.

2. Saidina Ali (عَلِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) pernah memaklumkan kepada bal tentera yang dihantar bagi mempertahankan negara Islam yang berhadapan dengan musuh-musuh dan bahawa sesungguhnya kemenangan tetap di atas kamu dengan syarat hendaklah kamu benar-benar beriman dan bertaqwa kepada Allah dan menghindarkan segala kemungkaran kerana kekalahan tentera musuh adalah sebab dosa-dosa dan kemungkaran yang dilakukannya

tetapi sebaiknya kalau kamu "tentera Islam" akan dikalahkan oleh tentera musuh dengan sebab kemungkaran yang dilakukan oleh tentera Islam.

3. Pandangan yang bernas dari Saidina Ali itu jelas dapat diambil suatu inspirasi dalam membina kekuatan umat dan ianya tidak akan terlaksana sekiranya perancangan itu tidak diasaskan keredhaan Allah.

Di akhir-akhir ini terbukti banyak tanda-tanda kecemerlangan yang dibina oleh manusia tidak menjamin keselamatan yang berterusan malah terdapat undang-undang yang dicipta oleh manusia telah dipinda berkali-kali tetapi masih lagi terdapat kelemahan yang belum dapat mengatasi undang-undang Allah sehingga ke hari ini. Contohnya wabak dadah walaupun undang-undang telah diperketatkan seperti hukuman gantung kepada pesalah yang disabitkan tetapi masih ramai yang terlibat dengan wabak ini dan negara kita menghadapi pelbagai masalah sehingga meletakkan dadah sebagai musuh utama negara.

Menyedari hakikat ini maka perlunya satu penyelesaian mengikut pandangan Islam agar usaha-usaha yang dijalankan oleh pemerintah akan menghasilkan satu kejayaan yang diharapkan bersama bagi meningkatkan mertabat bangsa Melayu khasnya dan masyarakat Malaysia amnya.

Nota Akhir

1. Ahmad Al-Husari, Al-Qisas, Al-Diyat, fi Al- Fiqh Al-T.Slami h.12.
2. Surah Al-Baqarah (2:187)
3. Surah Al-Baqarah (229:2)
4. Surah Al-Maidah (Ayat 38)